

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Rabu, 13 April 2022	
1.	Tiada laporan ASF di Selangor
2	Penternak bakar honda odyssey angkut lembu curi
3	Peniaga caj 60 sen potong ayam
4	-Syor guna GLC sebagai intergrator -Peladang ayam kena kompaun RM30k -Jangkitan ASF : 273 babi dilupus
5	Polis Siasat kes MPV dibakar
6	Hati saya sakit melihat haiwan disakiti -Negara perlu bebas haiwan gelangdangan

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Tiada laporan ASF di Selangor

SHAH ALAM -

Tiada pengesanan penyakit Demam Babi Afrika (ASF) dilaporkan di Selangor setakat ini.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir Izham Hashim berkata, sebanyak 118 ladang babi berdaftar di Selangor.

Menurutnya, kerajaan negeri meningkatkan sistem biosekuriti di sempadan Selangor dengan Negeri Sembilan sebagai langkah pencegahan.

"Ia susulan pengesanan penyakit ASF di sebuah ladang haram di Site A, Port Dickson oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) di negeri tersebut pada 8 April lalu," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Pada 9 April lalu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir memberitahu, pengesanan penyakit itu diperoleh hasil pengesanan sampel ke



IZHAM

atas dua ekor daripada 275 ekor babi di ladang tidak berlesen tersebut.

Bakri memberitahu, jangkitan itu berkemungkinan susulan kemasukan haiwan itu dari Perak namun siasatan masih dijalankan.

Mengulas lanjut,

Izham berkata, tiada sekatan ke atas kemasukan haiwan ternakan itu dari Perak ke Rawang bagi tujuan sembelihan.

"Ini kerana tiga ladang di Hilir Perak dan Batang Padang, Perak yang terdapat kes ASF telah disita dan dilarang keluar dari premis untuk pelupusan," jelasnya.

Beliau turut menasihatkan penternak agar memantau ternakan babi mereka dengan lebih rapi.

"Elakkan pergerakan keluar masuk dari tempat lain tanpa permit Jabatan Perkhidmatan Veterinar supaya penyebaran penyakit ini dapat dikekang dan dihentikan.

"Jika ada sebarang isu atau suspek kes, segera hubungi jabatan berkenaan," katanya.

Penternak bakar Honda Odyssey angkut lembu curi

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI
NIK ADNAN

KEMAMAN – Berang dengan tindakan beberapa individu yang disyaki mencuri lembu, sekumpulan lelaki membakar sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) yang digunakan suspek untuk mengangkut ternakan itu di Felda Neram 1, Jabor di sini baru-baru ini.

Difahamkan, kenderaan jenis Honda Odyssey itu dipercayai digunakan untuk mencuri sekurang-kurangnya empat ekor lembu di sebuah ladang sawit sebelum dikesan sekumpulan lelaki dipercayai penternak.

Lembu tersebut dilihat disumbat di tempat duduk belakang kenderaan tersebut.

Ketika kejadian, suspek dikatakan sempat melarikan diri dan sekumpulan lelaki kemudian menterbalikkan MPV terbabit sebelum membakarnya.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Hanyan Ramlan memberitahu, pihaknya sedang melakukan siasatan lanjut berhubung kejadian tersebut.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini pihaknya belum menerima sebarang aduan berhubung kes kecurian lembu di kawasan berkenaan.




SEKUMPULAN lelaki mengepung sebuah MPV yang disyaki digunakan untuk melarikan beberapa ekor lembu curi di Felda Neram 1, Kemaman.

"Berdasarkan maklumat awal, insiden tersebut disyaki berlaku di tepi jalan Felda Bukit Kuantan menghala ke Felda Neram 1, Jabor di sini.

"Pihak kami masih menyiasat punca sebenar kenderaan itu dibakar. Siasatan dilakukan mengikut

Seksyen 435 Kanun Keseksaan (kerana mendatangkan bencana dengan menggunakan api).

"Dakwaan kononnya kenderaan pelbagai guna jenis Honda Odyssey digunakan untuk membawa lembu yang dicuri masih belum dapat dipastikan," kata-



TANGKAP layar rakaman video menunjukkan sebuah Honda Odyssey terbakar dan beberapa ekor lembu mati di Felda Neram 1.

nya semalam.

Hanyan berkata, polis telah membuka kertas siasatan berhubung tindakan sekumpulan lelaki dipercayai penternak lembu yang membakar MPV tersebut.

"Kesemua mereka yang terlibat diminta tampil ke balai polis

untuk memberi keterangan serta membantu siasatan kes ini," ujarnya.

Sejak kelmarin, tular rakaman video berdurasi 40 saat di media sosial sejak tentang kemarahan sekumpulan lelaki apabila lembu ternakan mereka disyaki dicuri.

Peniaga caj 60 sen potong ayam

MELAKA – Peniaga di Pasar Awam Melaka di sini mula mengenakan caj untuk perkhidmatan memotong ayam sebanyak 60 sen bagi setiap kilogram, sejak minggu lalu.

Tinjauan Kosmo! di lokasi mendapati kesemua peniaga ayam telah menampal notis makluman mengenai caj tersebut di tapak niaga masing-masing.

Seorang peniaga, Ghazali Abu Bakar, 48, berkata, caj itu terpaksa dikenakan bagi mendapatkan kembali keuntungan selepas harga siling runcit ayam segar turun sehingga RM8.90 sekilogram.

"Caj ini kita baru kenakan sejak tiga hari lalu disebabkan terdesak selepas keuntungan diperoleh selepas harga baharu siling cumalah 10 sen.

"Harga ayam daripada pembekal pun RM8.70 sehingga RM8.80, siapa yang nak berniaga untuk untung setakat 10 sen?," katanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam.

Jelasnya lagi, caj potong itu juga merupakan cadangan yang diberikan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)



PENIAGA ayam di Pasar Awam Melaka menampal notis mengenai caj upah potong 60 sen sejak minggu lalu.

Melaka.

"Kita jumpa KPDNHEP memberitahu keadaan peniaga yang semakin tertekan dan mereka mencadangkan untuk perkhidmatan memotong ayam dikenakan caj.

"Tetapi kalau secara peribadi adalah lebih mudah harga ayam dinaikkan semula seperti dahulu, kami pun tidak perlu menjelaskan caj ini kepada pelanggan," katanya.

Sementara itu, seorang pelanggan, Hasniwati Hassan Basri, 65, memberitahu, dia tidak kisah caj itu dikenakan kerana harga

ayam masih di bawah RM10 bagi seekor ayam standard.

"Mak cik tidak terasa terbeban, dulu harga ayam pun lebih kurang itu (RM9.50) tetapi janganlah sampai mencecah RM10," katanya.

Raniyahasanah Mat Yani, 25, turut meluahkan perkara sama dan menganggap caj itu adalah wajar kerana telah memudahkan urusan pelanggan.

"Tidak mengapalah bayar 60 sen untuk memudahkan kerja memasak di rumah, bawa balik ayam tinggal cuci sahaja nanti," katanya.

ISU HARGA AYAM

Syor guna GLC sebagai integrator

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bagi menstabilkan harga ayam di pasaran, kerajaan digesa menggunakan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sebagai integrator ternakan berkenaan.

Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Selangor Idrus Zainal Abidin berkata, hanya terdapat beberapa integrator atau pengeluar ayam berskala besar di Malaysia, sekali gus menjadikan sektor berkenaan tidak kompetitif.

Menurutnya, kebanyakan penternak di negara ini berskala sederhana dan kecil bergantung kepada bekalan anak ayam serta makanan yang dibekalkan integrator.

Katanya, integrator membekalkan anak ayam pada harga antara RM1.80 hingga RM1.90 seekor selain bahan makanan seperti dedak dan jagung termasuk vaksin.

"Apabila kerajaan menggunakan GLC seperti Felda dan Felcra sebagai integrator untuk bina ladang ayam berskala besar maka harga ayam lebih mudah dikawal."

"Kini beberapa syarikat swasta memonopoli industri ini sebagai integrator dan berkemungkinan monopoli harga berlaku seterusnya meningkatkan harga ayam



KEBANYAKAN penternak ayam di negara ini berskala sederhana dan kecil bergantung kepada bekalan anak ayam serta makanan yang dibekalkan integrator.

di pasaran," katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, di peringkat penternak, mereka hanya menikmati keuntungan 50 sen hingga 70 sen untuk seekor ayam bermula daripada menetas sehingga matang untuk disembelih.

Katanya, Felda dan Felcra mungkin boleh menggunakan tanah terbiar untuk dibangunkan sebagai ladang ayam berskala besar.

"Bukan saja harga boleh dikawal kerajaan, malah ia turut memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat

setempat.

"Penternak berskala kecil juga tidak bimbang apabila harga dikawal kerajaan, malah subsidi yang digunakan boleh membangunkan beberapa ladang ayam berskala besar."

"Industri ternakan ayam perlu dikawal secara terus oleh kerajaan kerana bekalan bahan mentah ini menjadi pilihan utama rakyat berikutan harga sumber protein laut meningkat maka rakyat beralih kepada ayam," katanya.

Muka depan Harian Me-

tro, baru-baru ini melaporkan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid mendedahkan kenaikan harga ayam tidak sepatutnya berlaku kerana kerajaan sudah memperuntukkan subsidi dianggarkan RM300 juta bagi menstabilkan harga bahan mentah itu.

Namun, kenaikan harga masih berlaku dan kerajaan kini dalam usaha mengesan pihak yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan segera.

Peladang ayam kena kompaun RM30k

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor mengenakan kompaun RM 30,000 terhadap sebuah syarikat pengeluar ayam (peladang) di Skudai, semalam.

Pengarahnya, Mohd Hairul Anuar Bohro

berkata, tindakan itu diambil selepas dapatan pemeriksaan anggotanya mendapati KPDNHEP Johor Bahru hasil siasatan lanjut terhadap rantaian pembekalan serta pengedaran jualan ayam di negeri ini.

Katanya, hasil siasatan bermula dari tindakan rantaian pemeriksaan terhadap peruncit serta pemborong.

"KPDNHEP Johor turut mengambil tindakan terhadap 13 kes babit pemborong ayam di sekitar Johor Bahru, Muar, Batu Pahat dan Kluang."

"Mereka dikenakan kompaun atas kesalahan yang sama di bawah Seksyen 11, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 iaitu menjual melebihi harga kawalan yang ditetapkan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Minggu lalu, Harian Metro melaporkan harga ayam segar di bandar raya ini melonjak antara RM9.50 hingga RM10 sekilogram (kg) sekali gus dijual tidak mengikut harga siling RM8.90

yang ditetapkan kerajaan.

Dalam pada itu, Mohd Hairul Anuar berkata, KPDNHEP Johor melakukan 3,088 pemeriksaan di peringkat peruncit dan 46 pemeriksaan di peringkat pemborong selain 10 pemeriksaan di peringkat peladang.

Katanya, pemeriksaan itu berdasarkan rekod daripada tempoh kuat kuasa Penentuan Harga Maksimum (PHM) bagi Ayam & Telur yang bermula

sejak 5 Februari lalu. "Sebanyak 94 kes dihasilkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 dengan jumlah kompaun sebanyak RM89,700."

"KPDNHEP Johor mengambil serius mengenai isu harga ayam dan ingin menasihatkan peniaga khususnya di Johor supaya mematuhi segala undang-undang perniagaan yang telah ditetapkan oleh Kementerian dan tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang sewenang-wenangnya dalam tempoh ini."

"Tindakan tegas akan diambil sekiranya mendapati peniaga yang melakukan kesalahan berkaitan bekalan dan harga. Pengguna di negeri Johor boleh menyalurkan maklumat atau aduan berkaitan salah laku peniaga kepada Kementerian," katanya.

"KPDNHEP Johor turut mengambil tindakan terhadap 13 kes terhadap pemborong ayam"

Mohd Hairul Anuar Bohro

Port Dickson: Tiada lagi tolak ansur apabila 273 babi di sebuah ladang ternakan haram di Kampung Baru Site A, Tanah Merah di sini, akan dilupuskan susulan kes jangkitan Demam Babi Afrika (ASF).

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan Datuk Bakri Sawir berkata, pelupusan itu akan dilakukan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) di ladang berkenaan sebelum bangkai babi itu ditanam di satu lokasi lain sudah dikenal pasti.

Katanya, lubang yang disarankan akan digali di lokasi sejauh enam kilometer daripada ladang yang sedia ada.

"Kita akan tanam di tempat yang sudah ditetapkan dan akan menggali lubang

Jangkitan ASF: 273 babi dilupus



Kaedah pelupusan menggunakan karbon dioksida seperti mana dilakukan di negeri Melaka dan Perak susulan kes jangkitan serupa"

Bakri Sawir

yang mempunyai kedalaman 40 kaki bagi mengelakkan ia berbau serta mengundang pencemaran lain.

"Kaedah pelupusan menggunakan karbon dioksida seperti mana dilakukan di negeri Melaka

dan Perak susulan kes jangkitan serupa," katanya semalam.

Katanya, tiada sebarang pampasan diberi memandangkan ladang babi itu beroperasi tanpa lesen.

Sementara itu, katanya, tindakan undang-undang turut akan diambil terhadap pengusaha ternakan babi tanpa lesen.

Berkenaan 19 pemilik ladang babi lain di kawasan berhampiran, Bakri berkata, mereka diminta memaklumkan kepada Jabatan Veterinar jika terdapat simptom jangkitan ASF.

"Ini kerana kebolehsakitannya sangat tinggi. Sebelum ini mereka (pemilik ladang) pernah dikenakan kompaun kerana beroperasi tanpa lesen."

"Terbaru, tiga ladang ternakan babi ini sudah dikenakan kompaun sebanyak RM2,000 atas kesalahan menternak tanpa lesen," katanya sambil ditemani Pengarah Veterinar negeri, Dr Redzuan Ibrahim.

Bakri berkata, operasi pelupusan dijangka akan dilakukan pada pagi ini.

"Teknik pelupusan amat teknikal dan kita akan pastikan ia dapat dilakukan dengan berkesan dan ia perlu dilakukan untuk kebaikan semua pihak."

"Kos pelupusan belum dapat dipastikan dan kos akan ditanggung veterinar negeri. Seramai 43 kakitangan Veterinar negeri terbabit dalam operasi itu," ujarnya.

Polis siasat kes MPV dibakar

Chukai: Polis sedang menyiasat kejadian sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Honda Odyssey yang dipercayai dibakar penduduk yang didakwa berlaku di Felda Neram dekat sini.

Ketua Polis Daerah Kemanan Superintendan Hanyan Ramlan berkata, pihaknya sudah membuka satu kertas siasatan bagi mengenal pasti motif sebenar kejadian itu.

Menurutnya, pihaknya juga sedang menyiasat video berhubung kereta yang terbakar itu sama ada terabit dalam kejadian mencuri lembu atau sebaliknya.

"Kita sedang siasat dan setakat ini pihak polis masih belum menerima sebarang laporan daripada

mana-mana pemilik ternakan yang mendakwa ternakan mereka hilang atau dicuri.

"Kita juga tidak dapat pastikan terdapat lembu dalam kenderaan yang terbakar itu," katanya.

Menurutnya, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 435 Kanun Keseksaan iaitu khianat dengan api dan kita berharap orang ramai yang mempunyai maklumat supaya dapat menyalurkan maklumat kepada polis.

Satu video mengenai kejadian itu yang berdurasi 19 saat itu tular di media sosial sejak kelmarin, dengan memaparkan sebuah kereta terbakar dengan kelihatan dua ekor lembu terbaring di tepi kenderaan itu.

“ Kami sudah buka satu kertas siasatan kenal pasti motif sebenar kejadian Hanyan



PERSATUAN HAIWAN MALAYSIA (ANIMAL MALAYSIA)

- » **Pengasas:**
Arie Dwi Andika
- » **Tarikh penubuhan:**
10 Julai 2017
- » **Objektif dan aktiviti:**
- Sentiasa terlibat dengan agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, NGO dan individu dalam membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan kebajikan haiwan terutamanya bagaimana Akta Kebajikan Haiwan 2015 boleh dikuatkuasakan secara bermakna dan berkesan.
 - Menyasarkan tahap kesedaran tinggi mengenai Akta Haiwan 2015 dan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, dengan menyebarkan maklumat mengenai jenayah ini menerusi program dianjurkan.
 - Berhasrat memutuskan rantaian kekejaman terhadap haiwan melalui pelbagai inisiatif dan program membolehkan penglibatan masyarakat.
 - Membawa ke mahkamah kes-kes jenayah melibatkan penganiayaan atau penderaan haiwan.

ARIE Dwi Andika
terbabit dalam dunia haiwan sejak kecil lagi.



GALERI Haiwan Malaysia diusahakan Persatuan Haiwan Malaysia dibuka untuk kunjungan orang ramai.



PENGUNJUNG menghadihkan lukisan kucing kepada Arie (dua dari kanan) usahanya menyelamatkan haiwan.

'Hati saya sakit melihat haiwan disakiti'

Oleh **RABIATUL ADAWIYAH KOH ABDULLAH**
gayautusan@medimula.com.my

MELIHAT insiden haiwan diperlakukan sesuka hati oleh manusia bertopengkan iblis, cukup menghiris keping hati milik Arie Dwi Andika.

Baginya manusia itu selayaknya menerima hukuman berat kerana menzalimi haiwan.

Presiden Persatuan Haiwan Malaysia ini berkata, perbuatan tersebut tidak boleh dipandang ringan memandangkan dikhuatiri akan membahayakan orang lain dan perlakuan agresif tersebut mungkin boleh berulang.

"Saya pelik menyaksikan kerakusan manusia yang diangkat sebagai khalifah dan diamankan supaya memacu dunia ke arah kebaikan semakin 'seronok' melakukan kerosakan bahkan penganiayaan terhadap haiwan.

"Perbuatan mendera haiwan adalah tindakan kejam serta tidak



ANJING juga mendapat perhatian Persatuan Haiwan Malaysia.

berperikemanusiaan. Pesalah perlu dikenakan tindakan.

"Kita berharap pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap penjenayah mengikut undang-undang yang ditetapkan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Akta Kebajikan Haiwan 2015 Seksyen 29, memperuntukkan hukuman penjara maksimum tiga tahun dan denda sehingga RM100,000 atau kedua-duanya, terhadap pendera haiwan ini.

Persatuan yang ditubuhkan secara rasmi pada 10 Julai 2017

itu bertujuan membela nasib haiwan teraniaya dan didera.

Kata Arie, sejak ditubuhkan, ia sudah pun mengendalikan 13 kes jenayah melibatkan haiwan termasuk pembunuhan dan kecederaan.

Antara kes pendakwaan diperjuangkannya ialah kes pembunuhan kucing di kedai dobi pada September 2018.


Dalam insiden itu, dua lelaki membunuh kucing bunting terbiar dengan memasukkannya ke dalam mesin pengering di kedai dobi, Taman Gombak Ria, Gombak.



sebagai tanda sokongan kepada



PENGUNJUNG bersama kucing yang hendak dijadikan kucing angkat di salah satu sangkar di Galeri Haiwan Malaysia.



ANTARA kucing jalanan yang dimandulkan dan bersedia untuk dijadikan haiwan angkat di Galeri Haiwan Malaysia.

Pesalah dijatuhkan hukuman penjara 34 bulan dan denda RM40,000 akibat membunuh kucing. Akta itu juga merupakan yang pertama di negara ini sejak ia berkuat kuasa pada Julai 2017.

"Saya rasa puas bila ada pesalah di bawa ke muka pengadilan," katanya.

Dalam insiden penderaan kucing yang lain, kata Arie persatuan turut menerima aduan selepas rakaman video tular memaparkan seorang wanita memukul seekor kucing menggunakan kayu sehingga mati.

"Sebenarnya ada banyak cara lebih bijak dalam menangani masalah kucing. Antaranya menanam pokok *coleus canina* atau menggunakan semburan penghalau haiwan (*cat repellent spray*) yang selamat digunakan kepada haiwan," katanya.

Menyatakan hasrat perjuangannya membela nasib haiwan, Arie berharap undang-undang berkaitan

“Perbuatan mendera haiwan adalah tindakan kejam serta tidak berperikemanusiaan dan perlu dikenakan tindakan. Kita berharap pihak berkuasa mengambil tindakan tegas.”

haiwan dapat diperkasakan dan penguatkuasaan secara maksimum dapat memberi impak besar kepada negara. Arie yang juga Penganalisis Jenayah Haiwan menjelaskan, taraf pendidikan dan

peningkatan sosioekonomi di negara ini sepatutnya menjadikan masyarakat lebih memahami hak haiwan serta menghormati sesama makhluk selagi ia tidak mengancam nyawa manusia.

KEMPEN KESEDARAN

Dana menguruskan kes-kes mahkamah atau pengurusan haiwan terbiar, diperolehi melalui poket sendiri dan hasil sumbangan orang ramai.

Berkongsi pengalaman sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2020 dan 2021, kata Arie ada pihak menyumbang makanan haiwan seperti kucing dan anjing terbiar di seluruh negara.

"Secara tidak langsung kami dapat memberi makanan kepada haiwan terbiar. Sepanjang PKP juga kami menjalankan kempen kesedaran agar orang ramai tidak mendera haiwan melalui televisyen, radio dan kerjasama dengan universiti-universiti," ujarnya.

Negara perlu bebas haiwan gelandangan

MEMETIK pepatah Mahatma Gandhi, jika ingin melihat bangsa sesebuah negara, maka lihatlah bagaimana mereka melayani haiwan di negara mereka.

Arie memiliki impian untuk melahirkan masyarakat penyayang yang memiliki ilmu berkaitan haiwan sekali gus menghargai kewujudan haiwan sebagai pelengkap ekosistem.

Malah penganalisis jenayah haiwan ini berhasrat menjadikan Malaysia sebagai negara mesra haiwan gelandangan serta terpelihara seperti dilakukan Australia.

Negara itu memperuntukkan bahawa haiwan wajib dilindungi di bawah akta dan undang-undang komprehensif.

Arie yang aktif dalam kerja sosial mengakui pengaruh datuknya yang juga pencinta kucing memberi makanan dan membawa pulang kucing jalanan ke rumah ketika kecil, antara faktor dirinya terabit dengan dunia haiwan.

Dilahirkan dalam keluarga besar bersama 11 adik-beradik. Dia dibesarkan ibu selepas

bapanya meninggal dunia kala usianya baharu menjengah dua tahun.

"Oleh kerana jiwa saya dekat dengan kucing, saya memulakan perniagaan pertama Pusat Penjagaan Kucing Ikhlas sekitar 2006. Idea itu diilhamkan apabila saya melihat banyak kucing terbiar tanpa perlindungan seolah-olah ia tiada nilai.

"Segelintir individu mengambil jalan mudah dengan membuang kucing peliharaan apabila bilangannya kian bertambah.

"Jadi, saya terpenggil untuk membantu haiwan malang ini seterusnya 'menambah nilai' menerusi penjagaan sempurna dan rawatan sewajarnya," katanya.

Aktif menjalankan perniagaan pembinaan dan pengubahsuaian bangunan, bengkel membaiki motosikal, butik kafe serta agensi insurans, Arie turut menghasilkan buah antaranya *Panduan Asas Memelihara Kucing* (2010), *Jalan Salah Yang Selamat dan Aku, Anjing dan Manusia* pada tahun lalu.



BUKAN sekadar kucing, persatuan turut menguruskan anjing-anjing liar.